

Tempat Duduk: _____

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HMA 101 Pengantar Pengajian Bahasa Melayu

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGISEPULUH [10] SOALANDI DALAM SEMBILAN BELAS [19] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan.

Kertas ini mengandungi DUA bahagian: Bahagian A dan B.

Bahagian A dan B mestilah dijawab pada kertas peperiksaan ini.

BAHAGIAN A

1. Perhatikan ayat yang berikut ini, kemudian jawab soalan [a] - [d].

Beberapa ratus penganut Katolik menghadiri satu upacara merawat secara kebatinan di Gereja St. Pierres petang semalam.

- [a] Apakah bentuk ayat di atas? Berikan alasan anda.

Angka Giliran: _____

[b] Tentukan kata kerja utama dan penyambutnya.

[c] Nyatakan fungsi:

i. di Gereja St. Pierres

ii. petang semalam

[d] Tentukan subjek ayat di atas dan perlihatkan binaannya.

(10 markah)

Angka Giliran: _____

2. [a] Bina SATU contoh ayat majmuk yang mengandungi satu kata hubung keterangan pertentangan dan gariskan kata hubung keterangan tersebut.

[b] Bina SATU contoh ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung 'lalu'.

(5 markah)

3. Bezakan penggunaan kata nafi bukan dan tidak.

Angka Giliran: _____

(5 markah)

4. Bagi setiap hal di bawah, bina satu ayat yang memperlihatkan fungsi frasa adjektif sebagai:

[a] pelengkap

[b] penerang kata nama

[c] subjek

Angka Giliran: _____

[d] predikat

Gariskan frasa adjektif berkenaan.

(12 markah)

5. Telitikan ayat-ayat di bawah, kemudian jawab soalan [a] - [c].

Ahmad tidak jujur **terhadap isterinya**.

Dewan yang baru itu tidak kelihatan **dari sini**.

Hari ini mendung.

[a] Tentukan golongan kata bagi setiap unsur dalam ayat-ayat di atas.

Angka Giliran: _____

[b] Nyatakan bentuk tatabahasa dan binaan bentuk tersebut bagi unsur yang dihitamkan.

[c] Gariskan predikat bagi setiap ayat di atas.

[d] Nyatakan binaan predikat bagi setiap ayat tersebut.

(20 markah)

Angka Giliran: _____

6. Transkripsikan perkataan berikut berdasarkan sebutan baku.

- [a] termeterainya _____
- [b] mewarnai _____
- [c] penguatkuasaan _____
- [d] mengejek _____
- [e] nusyuz _____
- [f] pengkhianatan _____
- [g] termaktub _____
- [h] berabad-abad _____

(8 markah)

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN B

7. Fonem / k / di dalam bahasa Melayu mempunyai beberapa alofon. Huraikan beserta contoh yang sesuai dan memadai.

(8 markah)

Angka Giliran: _____

8. Huraikan usaha-usaha yang telah dilakukan bagi mendaulatkan dan membakukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu.

(12 markah)

Angka Giliran: _____

9. Perlihatkan dalam satu situasi bagaimana faktor usia, latar belakang sosial, hubungan antara penutur, dan latar, menentukan pemilihan bentuk panggilan yang sesuai digunakan dalam masyarakat Melayu.

(10 markah)

Angka Giliran: _____

10. Salah satu ciri semula jadi kata-kata dalam sesuatu bahasa ialah wujudnya sifat pertentangan makna. Beserta beberapa contoh yang memadai, beri huraian ringkas tentang kewujudan ciri semula jadi ini dalam bahasa Melayu.

Sehubungan dengan pertentangan makna ini juga, didapati bahawa pertentangan makna bagi kata adjektif khususnya, melibatkan satu pemeringkatan. Jelaskan hal tersebut.

(10 markah)